

Sinar Harian 14/5/2019 M/S 36
Suri rumah tangkap pari seberat 5kg

KUALA NERUS - Seorang pemancing juga suri rumah mencatat rekod peribadi pada Ramadan kali ini apabila menaikkan ikan pari seberat 5 kilogram di Pantai Sarang Laba, Seberang Takir di sini.

Nornazaitul Shima Md Noor, 33, berkata, selama enam tahun menjadi pemancing, pari itu merupakan tangkapan terbesarnya sepanjang memancing di pantai dan dapat menewaskan ikan itu ketika Ramadan.

“Minat memancing ini hanya bermula kira-kira enam tahun lalu dan saya sering mengikut suami keluar memancing di kolam. Dari situlah saya mula jatuh cinta dengan aktiviti memancing.

“Ikan pari ini merupakan ikan paling besar yang berjaya saya tangkap di pantai dan sebelum ini saya juga pernah daratkan ikan tongsan seberat 13 kilogram ketika mengail di kolam,” katanya semalam.

Kawasan pantai dan benteng pemecah ombak di sekitar Seberang Takir sememangnya terkenal sebagai lubuk pelbagai jenis ikan dan kini menjadi tum-



Hobi memancing menjadi lebih bermakna bagi Nornazaitul kerana mendapat sokongan penuh suaminya.

puan kaki pancing sepanjang Ramadan ini.

Suri rumah itu turut memberitahu hanya mengambil masa kurang lima minit untuk menaikkan pari berkenaan.

Kata Nornazaitul, hobi itu menjadi lebih bermakna kerana mendapat sokongan penuh suami, Juzaili Alwee, 43, yang sama-sama turun padang menemani-nya memancing ikan.

Sebut sahaja lubuk ikan sama ada di kawasan Pantai Seberang Takir, mahupun pulau dan di tengah lautan semuanya sudah pernah

dijejaki ibu kepada tiga orang cahaya mata itu bersama suaminya.

“Sebenarnya perkara baik mengenai aktiviti ini ialah mengajar erti bersabar, tidak mudah putus asa dan bersyukur dengan rezeki ALLAH. Maklumlah kadang-kala dapat hasil dan sebaliknya.

“Saat paling mengujakan ketika ikan mula meragut umpan dan ketika ‘bertarung’ ia terasa seolah-olah hilang segala masalah. Memancing memberi saya ketenangan,” katanya.